

## **SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 1 TAHUN 2013**

Semua Dekan/Ketua Jabatan  
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt. wbt.  
YH Prof. Dato/YBhg. Prof/Prof Madya/Tuan/Puan,

### **PENETAPAN HAD PEMBELIAN KOMPUTER DESKTOP UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

#### **TUJUAN**

Surat Pekeliling Bendahari ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pusat Tanggungjawab berhubung keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Belanjawan Universiti pada 14 Februari 2013 dalam sesi perbincangan muktamad bajet bagi tahun 2013.

#### **LATARBELAKANG**

Mesyuarat Jawatankuasa Belanjawan Universiti pada 14 Februari 2013 telah meneliti keperluan pembelian dan penggantian komputer desktop bagi kegunaan staf dengan kadar harga berbeza-beza mengikut tawaran daripada pembekal.

#### **PENETAPAN HAD PEMBELIAN KOMPUTER DESKTOP**

3.1 Mesyuarat Jawatankuasa Belanjawan Universiti telah memutuskan bahawa had pembelian komputer desktop bagi kegunaan staf adalah RM2,500.00 (Ringgit Malaysia Dua Ribu Lima Ratus Sahaja). Penetapan ini bertujuan menyeragamkan kadar harga pembelian bagi penjimatan kepada Universiti.

3.2 PTJ yang bercadang membuat pembelian melebihi had yang ditetapkan hendaklah memohon kelulusan dengan menyertakan justifikasi kepada Jabatan Bendahari untuk perakuan Jawatankuasa Aset Universiti.

3.3 Semua penyediaan pesanan tempatan di PTJ hendaklah terlebih dahulu mematuhi keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Belanjawan Universiti seperti di atas.

#### TARIKH KUAT KUASA

4. Surat Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa dari tarikh ianya dikeluarkan.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**

Saya yang menjalankan tugas



**ZAINUDIN BIN OTHMAN**  
Bendahari  
Universiti Malaysia Pahang

12 April 2013

---

s.k - Naib Canselor  
- Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
- Pendaftar